

Qalam

Bilangan 48- Zulkaedah 1373 - Julai 1954 - 60 sen

Angkatan Pemuda Islam

Suatu ura-ura hendak menubuhkan sebuah pertubuhan siasah yang bakal dinamakan “Angkatan Pemuda Islam” sebagaimana yang telah pernah tersiar beritanya itu daripada golongan pemuda-pemuda Islam nampaknya telah menarik perhatian. Perhatian itu tak dapat tiada adalah kerana ura-ura itu terbitnya cita-cita orang yang hendak menubuhkannya daripada golongan “bawah”- tidak daripada golongan “atas” sebagaimana yang selalu tertubuh pada masa yang lalu.

Kita tidak cukup mengetahui adakah pertubuhan yang dirancangkan ini akan ditubuhkan di Singapura ini sahaja ataupun akan ditubuhkan di Tanah Melayu. Sekiranya pertubuhan itu hanya didirikan di Singapura maka ini bermaknalah ia tiada akan dapat berkembang di Tanah Melayu; tetapi sekiranya dirancangkan di Tanah Melayu maka haruslah ia akan membuka cawangan-cawangannya di Singapura ini.

Kita berpendapat sekiranya pertubuhan itu ditubuhkan di Singapura maka harus ia tidak akan mendapat sesuatu yang boleh menghalang tetapi jika ia ditubuhkan di Tanah Melayu maka harus ada beberapa perkara yang patut terlebih dahulu diselidiki oleh punca-puncanya sebelum melangkah lebih jauh ke sana sebab sebagaimana dimaklum bahawa di dalam keadaan darurat ini tumbuhnya pertubuhan-pertubuhan siayash yang baharu itu sudah barang tentu akan menghadapi beberapa perkara yang jika tidak cekal harus menjadikan

perjalanan pertubuhan itu akan menjadi mentah atau sekerat jalan jua. Kita berkata di sini tidaklah bermakna melemahkan cita-cita itu tetapi tujuan kita sekiranya cita-cita itu ada maka segala ranjau yang bakal menghalang itu mestilah disisihkan daripada tubuh kita.

Kita berkeyakinan bahawa tidak ada seorang pun daripada orang-orang Islam yang tidak menyambut tujuan yang baik dan yang dijajah itu tetapi di sebalik itu janganlah dilupakan bahawa kita mesti memandang akan adanya sebuah atau dua pertubuhan Islam yang ada yang kita fikirkan adakah kita membiarkannya terkapar dengan kita menubuhkan pula sebuah pertubuhan lain yang keadaannya harus senasib dengan pertubuhan-pertubuhan Islam yang ada itu!

Dengan memandang kepada keadaan-keadaan yang ada maka tenaga-tenaga pemuda yang berniat baik dan bertujuan baik itu, menurut pendapat kita, mestilah dialirkkan kepada suatu tujuan menyokong atau menguatkan pertubuhan yang ada- umpamanya dengan memasuki bahagian pemuda Persatuan Islam Se-Malaya- daripada mengadakan sebuah pertubuhan lain yang bakal melemahkan kedudukan persatuan umat Islam.

Kita percaya, banyak daripada kita tidak berpuas hati dengan dasar-dasar yang dijalankan di dalam Persatuan Islam Se-Malaya itu terutamanya atas masalah “Parti Disiplin”, sebagaimana juga kita tetap tidak memperkenaninya tetapi yang demikian dapat ditolak dan diketepikan apabila tenaga pemuda-pemuda Islam masuk ke dalamnya membawa darah dan jiwa baharu, mendatangkan desakan kepada perubahan-perubahan yang dikehendaki oleh umat Islam maka percayalah perubahan itu akan didapat dan Persatuan Islam Se-Malaya itu tak dapat tiada akan berubah corak.

Kemudahan-kemudahan yang bakal didapati di dalam perkara ini ada banyak. Mereka tidak payah mendaftarkan lagi sesebuah pertubuhan baharu tetapi memadai dengan menyokong yang ada.

Adapun tentang pemimpin atau orang-orang yang mengetuainya maka yang demikian adalah bergantung kepada kekuatan dan kemahuan

pemuda-pemuda itu sendiri sebab pilihan itu adalah terletak kepada mereka untuk menentukannya.

Kesimpulannya adalah kita berharap bahawa perkara hendak menubuhkan sebuah pertubuhan itu sememangnya mudah tetapi yang payahnya ialah meletakkan bahtera pertubuhan itu di hadapan umat. Adakah ia akan mendapat sambutan dan sokongan dan boleh bergerak- Inilah soal yang harus dikaji lebih dahulu walaupun cita-cita dan tujuan pertubuhan itu mulia dan digemari ramai.

Kita suka mengambil peluang di sini menurunkan perkataan Tuan ‘Alī Tanṭawī, seorang ahli jawatankuasa Mu’tamar Islam dan ahli rombongan Palestin yang ke negeri-negeri Islam baharu-baharu Islam ini yang berkata bahawa ia sangat gemar mendengar adanya sambutan daripada pertubuhan-pertubuhan Islam ke atas rombongan itu tetapi ia berharap pada satu masa kalau ia datang semula ke mari hanya ada sebuah pertubuhan Islam kerana

umat Islam itu hanyalah satu jua.

Perkataan inilah yang patut kita perhatikan moga-moga jiwa pemuda-pemuda kita yang bergelora itu dapat membawa persatuhan di kalangan Islam yang berpecah-pecah sekian lama ini!

Di sebalik itu, jika pemuda-pemuda itu hendak menumpukan tenaganya kepada kebajikan agama Islam maka ada suatu lapangan yang belum diisi oleh orang di Semenanjung Tanah Melayu ini iaitu yang mengadakan kerja-kerja yang tidak mencampuri siasah tetapi bekerja untuk faedah-faedah am, mengadakan usaha-usaha yang bertujuan membawa kepada didikan akhlak dan budi pekerti dan seumpamanya sebab kita telah melihat sekarang krisis akhlak di dalam lingkungan kita orang-orang Islam- khasnya pemuda-pemudanya adalah sekarang sangat besar dan dalam merbahaya. Ambillah peluang-peluang yang terbuka sekiranya kita bercita-cita hendak memperbaiki masyarakat kita Islam.



Suatu perjumpaan Hari Raya di Singapura di tengah-tengah kelihatan Dr Burhanuddin al-Helmi.

Di kirinya A. Asraf bin Haji ‘Abdul Wahāb dan di kanannya A. ‘Abdullāh Singgura bin Haji Qāsim Adam Al- Rambawī.